



TERMA DAN SYARAT

PERADUAN MENGAMBIL FOTO DI MURAL AGROBANK CAMERON HIGHLANDS

A. Maklumat Peraduan

1. Peraduan mengambil foto di mural ("Peraduan") Agrobank di Cameron Highlands ini adalah inisiatif Jabatan Pengalaman Pelanggan, Agrobank.
2. Peraduan ini dianjurkan secara dalam talian melalui media sosial Agrobank. Rakyat Malaysia yang berminat untuk menyertai Peraduan ini perlu mengambil foto yang menarik di mural Agrobank dan muat naik di media sosial masing-masing dan tag Agrobank.

B. Tarikh Dan Tempoh Peraduan

1. Peraduan ini akan bermula pada **26 Ogos 2023 sehingga 16 September 2023**.
2. Agrobank berhak menukar atau meminda Tarikh dan Tempoh Peraduan (sekiranya perlu).
3. Pemenang Peraduan ini dijangka akan diumumkan pada **22 September 2023**.

C. Terma Dan Syarat Peraduan

1. Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia termasuk staf Agrobank* dan berumur 18 tahun dan ke atas.

*Hanya staf di bawah Pemasaran dan Komunikasi (Marcom) serta keluarga TIDAK LAYAK menyertai peraduan ini.

2. Setiap peserta dibenarkan untuk menyiaran lebih daripada satu (1) foto di media sosial peserta seperti Instagram dan facebook. Walau bagaimanapun, sekiranya foto yang disiarkan menggunakan format **carousel**, maka ianya akan dihadkan kepada tiga (3) foto sahaja untuk sekali paparan.

(carousel : memuat naik beberapa keping foto di dalam satu paparan)

3. Setiap peserta **perlu melaksanakan perkara berikut** untuk menyertai Peraduan ini:

- 3.1 *Follow* media sosial rasmi Agrobank
- 3.2 Aksi/gaya yang dilakukan perlulah beradab dan sopan.

- 3.3 Pemakaian:

- Mematuhi syariah (bagi yang beragama Islam)
- Berpakaian sopan seperti berseluar panjang atau skirt melepas lutut dan baju berlengan (bagi yang bukan beragama Islam).
- Pemakaian hendaklah longgar (tidak ketat sehingga menampakkan susuk tubuh badan) bagi yang beragama Islam dan bukan beragama Islam.

3.4 Cara muat naik foto yang diambil:

- Sila muat naik atau paparkan foto di media sosial peserta (**berstatus umum/public**) dan
- **Wajib** meletakkan kedua-dua hashtag#: **#agrobankmy** dan **#projekmuralpertamaagrobank**

D. Hadiah

1. Agrobank akan memilih sebanyak sepuluh (10) pemenang sahaja daripada peserta yang memenuhi kriteria Terma dan Syarat Peraduan ini.
2. Tawaran hadiah adalah seperti mana berikut:
10 hadiah kad Perlindungan Takaful Kasih Plus (TKP4) yang bernilai RM106.00 setiap satu kad dengan jumlah perlindungan RM100,000.00.
3. Pemenang diminta untuk memaklumkan kepada pihak cawangan sebelum hadir bagi mendapatkan hadiah kad Perlindungan Takaful Kasih Plus yang dimenangi.
4. Agrobank berhak menggantikan hadiah sedia ada dengan hadiah lain yang sama nilainya (sekiranya perlu). Sebarang perubahan hadiah, akan dimaklumkan terlebih dahulu kepada pemenang.
5. Wakil tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan hadiah bagi pihak pemenang dan hadiah tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga.

E. Pemilihan Pemenang

1. Penentuan pemenang adalah ditetapkan oleh Agrobank berdasarkan kepada penyertaan foto yang menarik dan pemakaian mematuhi syariah dan sopan.
2. Pemenang akan dihubungi melalui laman media sosial rasmi Agrobank (Facebook, Instagram dan Twitter) atau laman web Agrobank.
3. Agrobank TIDAK akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atau gagal menghubungi kembali Agrobank bagi urusan tuntutan hadiah dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh pengumuman dibuat.
4. Agrobank berhak memilih pemenang yang layak daripada senarai menunggu atau simpanan sekiranya pemenang yang telah dipilih tidak dapat dihubungi dalam masa 14 hari bekerja selepas pengumuman dilaman web dan media sosial Agrobank, enggan menerima hadiah dan lain-lain alasan munasabah yang membolehkan Agrobank untuk memilih pemenang lain daripada senarai menunggu atau simpanan.
5. Untuk menuntut hadiah berupa kad takaful di cawangan Agrobank, para pemenang perlu menunjukkan profil media sosial kepada pegawai bank bagi tujuan pengesahan.
6. Semua keputusan pemenang adalah muktamad. Sebarang pertikaian, rayuan dan bantahan berhubung keputusan tersebut tidak akan dilayan atau dipertimbangkan.

F. Lain-Lain

1. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati Terma dan Syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
2. Agrobank dibenarkan untuk mencetak atau menyiarkan nama peserta untuk tujuan promosi di dalam akhbar, majalah, laman web Agrobank, atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
3. Agrobank berhak menolak dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang didapati melanggar syarat-syarat yang dinyatakan di sini, penyertaan yang tidak lengkap dan/atau penyertaan yang lewat dari tarikh yang dinyatakan.
4. Agrobank berhak untuk meminda, mengubah dan/atau memansuhkan terma dan syarat ini atau melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Peraduan ini, pada bila-bila masa, atas budi bicara penuh dan mutlaknya. Apa-apa perubahan pada pertandingan ini boleh dimaklumkan kepada peserta melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh Agrobank, tidak terhad kepada pemberitahuan di laman web Agrobank (www.agrobank.com.my) atau platform media sosial Agrobank.
5. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Agrobank, termasuk untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan atau memproses nama, nombor pengenalan diri/pasport dan imej atau lain-lain butiran ("Data Peribadi") (jika perlu), bagi menjayakan Peraduan ini, dan tidak terhad bagi tujuan mengumumkan dan memaparkan Data Peribadi peserta di laman web Agrobank bagi tujuan pemasaran atau publisiti (sekiranya berkaitan). Peserta tidak berhak menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran tersebut. Peserta juga bersetuju untuk terikat dengan notis PDPA Agrobank yang dipaparkan di laman web Agrobank (www.agrobank.com.my). Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi berhubung pertandingan ini hendaklah ditadbir berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang Malaysia yang berkaitan.

Nota: Peserta/pemenang adalah dinasihati untuk mengambil langkah berjaga-jaga apabila menerima sebarang permintaan bagi Data Peribadi dan boleh menghubungi Agrobank bagi tujuan verifikasi berkenaan pertandingan ini.

6. Peraduan serta Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan oleh undang-undang Malaysia serta di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

<Tamat>